

**21 Februari 2006 (Selasa)**

## **Peruntukan, kos tinggi punca kurang senggaraan**

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Kekurangan peruntukan dan kos penyelenggaraan yang agak tinggi adalah antara punca banyak bangunan kerajaan dan infrastruktur awam tidak dapat diselenggara dengan baik, kata Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Hadenan Abdul Jalil. Bagaimanapun, katanya, kekurangan budaya penyelenggaraan di kalangan jabatan dan agensi kerajaan turut menjadi faktor banyak kemudahan tidak diselenggarakan dengan sempurna. "Kita harus memahami bahawa peruntukan penyelenggaraan tidak mencukupi. Malah, secara khusus, prestasi penyelenggaraan oleh jabatan kerajaan turut disentuh dalam laporan tahunan Ketua Audit Negara. "Jika anda melayari laman web kami dan mengkaji laporan tahun lalu kita ada sentuh mengenai penyelenggaraan kediaman jabatan kerajaan. Semuanya ada di situ. Kadangkala kita menjalankan kajian khusus untuk menentukan tahap penyelenggaraan bangunan dan kemudahan kerajaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin yang kesal kerana banyak projek pembangunan kerajaan rosak dan tidak dapat digunakan dengan sempurna sambil meminta semua pihak lebih bertanggungjawab dalam aspek penyelenggaraan. Perdana Menteri berkata, banyak bangunan sama ada menggunakan peruntukan kerajaan negeri atau Persekutuan tidak diselenggara dengan baik dan terpaksa dibaik pulih sehingga menyebabkan pembaziran serta kerugian berbilion ringgit. Hadenan juga berkata, kerja penyelenggaraan memang dilaksanakan tetapi tidak begitu memuaskan kerana kekurangan bajet. "Dalam satu kes, kita dapat bahawa kerajaan cuma memperuntukkan RM3 juta untuk menyelenggara lebih 100 jambatan. Ini sudah tentu tidak mencukupi. Bagi saya, kerja penyelenggaraan memerlukan peruntukan besar," katanya.